

10 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (Media)

MEDIA DILARANG SIAR PERBUALAN ANTARA ANWAR, PM DAN KPN

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini mengarahkan media supaya tidak menyiarkan keterangan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah mengenai percakapannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hakim Datuk S. Augustine Paul juga melarang media daripada menyiarkan keterangan Anwar bersabit percakapannya dengan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor.

"Saya mengarahkan media supaya tidak menyiarkannya sehingga mahkamah membuat keputusan akhir mengenainya sementara menunggu bukti bagi kenyataan yang didakwa dibuat oleh kedua-duanya kepada tertuduh..." katanya.

Beliau membuat keputusan itu selepas peguambela Anwar, Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan tidak pasti sama ada mereka akan memanggil Dr Mahathir dan Abdul Rahim sebagai saksi pembelaan.

Paul berkata peraturan yang sama terpakai kepada keterangan Anwar bersabit seorang menteri Kabinet.

Sebelum itu pada perbicaraan di sebelah pagi, Anwar memberi keterangan bahawa dia telah beberapa kali bercakap dengan Dr Mahathir dan Abdul Rahim bersabit penyiasatan mengenai dakwaan salah laku seksnya.

Anwar menyebut kandungan percakapan itu yang segera dibantah oleh pihak pendakwaan yang diketuai Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

Pada permulaan perbicaraan selepas makan tengah hari, Paul bertanya Raja Aziz mengenai tujuan pihak pembelaan mengemukakan soal percakapan antara Anwar dengan PM dan KPN.

Raja Aziz menjelaskan bahawa bagi yang membabitkan KPN, ia untuk menunjukkan sikap polis ketika itu.

"Dan bagi yang membabitkan PM, ia adalah susulan kepada pertemuan dengan KPN yang ketika itu menasihatkan tertuduh bahawa masalah yang timbul daripada penyiasatan tersebut perlu diselesaikan oleh Anwar secara langsung dengan PM," kata Raja Aziz.

Hakim memberitahu pihak pembelaan bahawa tujuan beliau bertanyakan soalan itu ialah bagi mengetahui sama ada mereka akan memanggil Dr Mahathir dan Abdul Rahim sebagai saksi kerana kenyataan itu dibuat oleh kedua-duanya.

Paul berkata kecuali mereka dipanggil sebagai saksi, keterangan Anwar bersabit percakapan-percakapan itu akan kekal sebagai "dengar cakap".

"Jika ia bagi menunjukkan corak pendirian PM dan KPN, keterangan itu boleh diterima di mahkamah, jika tidak, ia tidak boleh diterima.

Raja Aziz kemudian memberitahu mahkamah bahawa pembelaan mungkin akan memanggil Dr Mahathir dan Abdul Rahim sebagai saksi.

Anwar kemudiannya meneruskan keterangannya pada hari ketiga pembelaannya terhadap empat pertuduhan rasuah yang memasuki hari perbicaraan ke-53 hari ini.

Dalam keterangannya, Anwar menafikan dia menggunakan jawatan dan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk mendapatkan "kenyataan umum" daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar berkaitan tuduhan itu.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada PM bersama kenyataan bersumpah Azizan yang mendakwa dia diliwat oleh Anwar.

Selepas Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa dia telah menyelesaikan pemeriksaan utama terhadap Anwar, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul

Gani Patail memohon kepada mahkamah untuk memulakan pemeriksaan balas pukul 9 pagi esok.

Paul membenarkan permohonan Abdul Gani dan mahkamah menangguhkan perbicaraan pada pukul 3.30 petang.

-- BERNAMA

SBB LAT